

TAMBAH KOSA KATA TEKNIK 2PS (2 PERKATAAN SEHARI): SATU KAJIAN TINDAKAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB

Ilyani Syiham Muhamad

Posut Bahasa CELPAD

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

E-mail: iyani@iium.edu.my

Wazzainab Binti Ismail

Fakulti Sains Sosial, Universiti Islam Selangor

E-mail: wazzainab@kuis.edu.my

ABSTRAK

Kemahiran mendengar adalah kemahiran pertama yang berlaku kepada penuntut bahasa. Semua perkataan yang didengar merupakan proses pertama untuk keperluan pembelajaran bahasa. Oleh kerana bahasa Arab bukan bahasa utama di negara kita, maka proses mendengar kosa kata adalah terhad ataupun tidak di dalam kondisi yang dapat memberi impak. Oleh itu kosa kata bahasa Arab perlu dicari, dihafal dan difahami. Ini kerana bahasa memerlukan kosa kata iaitu perkataan. Tanpa kosa kata penuntut bahasa tidak dapat menguasai bahasa dengan baik. Maka pembelajaran bahasa Arab perlu sentiasa dirancang dengan tepat mengikut objektif yang digariskan. Kajian ini dijalankan bagi mengkaji pelaksanaan Teknik 2PS (2 perkataan sehari) dalam usaha menambah kosa kata bahasa Arab bagi para pelajar bersandarkan kepada teori Kemmis dan McTaggart (1988). Sampel kajian adalah pelajar kursus bahasa Arab di Jabatan Kefahaman Islam dan Bahsa Arab, Fakulti Sains Sosial, Universiti Islam Selangor yang dipilih secara purposif seramai 10 orang. Kajian kualitatif ini menggunakan teknik analisis dokumen dan pemerhatian untuk proses dapatan dan analisis data. Hasil kajian menunjukkan bahawa Teknik 2PS dapat membantu para pelajar dalam menambah kosa kata bahasa Arab melalui strategi pembelajaran yang betul dan konsisten. Sokongan berterusan pensyarah dalam pelaksanaan dan semakan kerja pelajar amat penting. Teknik 2PS ini adalah usaha awal dan perlu dijalankan secara berterusan demi kecemerlangan penuntut bahasa Arab.

Kata Kunci: Kosa kata, teknik 2PS, kajian tindakan, pembelajaran bahasa Arab

1. Pengenalan

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia khususnya dalam kalangan bukan penutur asli bukan Arab telah mengalami perkembangan yang amat besar sejak bermulanya perkembangan bahasa Arab di Malaysia sejak kurun pertama Hijrah iaitu selaras dengan penerimaan masyarakat Melayu terhadap agama Islam (Fatimi, 1963; Abdullah Jusuh, 1989).

Perkembangan drastik ini menyaksikan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia telah melalui beberapa fasa transformasi kurikulum dan pelbagai strategi pembelajaran di semua peringkat pengajian daripada peringkat sekolah hingga ke pusat pengajian tinggi. Di peringkat sekolah, kurikulum pembelajaran bahasa Arab telah disemak dan ditambahbaik berdasarkan keperluan dan cabaran persekitaran semasa daripada bahasa Arab, bahasa Arab komunikasi, bahasa Arab tinggi, hingga kepada bahasa Arab sukanan KSSR, KSSM dan KBD (Dini). Manakala di peringkat pengajian tinggi yang mempunyai lebih autonomi, kurikulum pembelajaran bahasa Arab dilaksanakan berdasarkan keperluan dan halatuju pendidikan universiti masing-masing dalam hampir keseluruhan pusat pengajian tinggi yang tedapat di Malaysia (Mohd Shahrizal, Muhammad Sabri dan Mohd Firdaus, 2015).

Namun begitu, di sebalik perkembangan drastik pembelajaran bahasa Arab di Malaysia, bolehlah dikatakan bahawa para penutur bukan Arab khususnya pelajar Melayu masih menghadapi beberapa

masalah penguasaan kosa kata walaupun mereka telah pun belajar bahasa Arab sejak daripada sekolah rendah, sekolah menengah hingga ke peringkat universiti.

2. Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab Dalam Kalangan Bukan Penutur Asli

Kajian tentang strategi pembelajaran kosa kata adalah berasal dari rangkaian penyelidikan strategi pembelajaran yang telah bermula pada awal tahun 70-an (Rubin, 1975; Naiman, Fröhlich, Stern, & Todesco, 1978). Pengkaji seperti Rubin (1975) juga mentakrifkan strategi pembelajaran bahasa sebagai teknik atau alat yang digunakan oleh pelajar untuk memperoleh sesuatu pengetahuan. Wenden dan Rubin (1987) pula mentakrifkannya sebagai set operasi yang digunakan oleh pelajar untuk memudahkan pemerolehan, penyimpanan, mendapatkan semula dan menggunakan maklumat. Sementara itu, Oxford (1990) mentakrifkan strategi pembelajaran bahasa sebagai tindakan tertentu yang diambil oleh pelajar supaya pembelajaran menjadikan lebih mudah, lebih cepat, lebih menyeronokkan, lebih bersifat kendiri, lebih berkesan dan berpindah kepada suasana baharu.

Di dalam pengajaran dan pembelajaran kosa kata bahasa Arab, empat kemahiran bahasa Arab merupakan tunjang asas bagi mempelajari kota kata itu. Menurut Irma Martiny et al. (2017), strategi pembelajaran bahasa merupakan satu wasilah untuk murid menguasai kosa kata. Manakala pelajar yang mempunyai tahap penguasaan bahasa yang tinggi, lebih cenderung menggunakan lebih banyak teknik dan strategi (Zamri et al., 2010). Justeru, amatlah penting bagi para pelajar bukan penutur asli untuk menguasai aspek kosa kata bagi menguasai sesuatu bahasa termasuklah bahasa Arab. Kajian tentang strategi pembelajaran kosa kata dalam konteks pembelajaran bahasa Arab di Malaysia, masih sangat kurang dilakukan di mana kebanyakan kajian yang dilakukan lebih berfokus kepada kosa kata secara umum dan tidak menjurus kepada jenis tertentu (Mohd Zaki dan rakan-rakan, 2016).

Daripada beberapa kajian- kajian lepas yang ditemui, antara faktor utama pencapaian pelajar yang rendah dan permasalahan dalam pembelajaran bahasa Arab berpuncak daripada penguasaan kosa kata yang lemah. Antaranya, Ashinida, 2012 mendapat bahawa pengetahuan kosa kata yang terhad akan membataskan keupayaan pelajar dalam menguasai kemahiran berbahasa. Manakala Nurulakhma dan rakan-rakan (2016) mendapat bahawa pengetahuan kosa kata yang lemah memberikan kesan negatif kepada para pelajar dalam menguasai bahasa Arab, baik dalam empat kemahiran berbahasa maupun pencapaian peperiksaan.

Selain itu, kajian daripada Mohamad Rofian et al. (2014) menunjukkan bahawa kesalahan kosa kata merupakan kesalahan yang paling banyak dilakukan oleh para pelajar didalam penulisan karangan. Pemilihan kosa kata yang salah akan menyebabkan idea yang ingin disampaikan tidak jelas dan boleh memberi makna yang salah. Menurut kajian Muhammad Fauziddin et al (2020) pula, murid yang mempunyai kecenderungan bahasa yang tinggi dipegaruhi oleh kepelbagaiannya strategi yang digunakan untuk menguasai kosa kata baru dengan lebih mudah kerana ianya berkait rapat dengan strategi permainan yang dapat merangsang imaginasi dan penerokaan minda murid tersebut. Manakala Mohd Zaki dan rakan-rakan (2016) pula telah menjalankan kajian berkaitan dengan penggunaan strategi pembelajaran kosa kata baru berimbuhan bahasa Arab pada kalangan pelajar cemerlang yang berasaskan teori strategi pembelajaran bahasa (SPB) dan strategi pembelajaran kosa kata (SPKK) dan menemukan sebanyak 42 jenis sub strategi telah digunakan oleh peserta kajian untuk mempelajari kosa kata berimbuhan.

Secara umumnya, strategi pembelajaran penguasaan kosa kata oleh pelajar yang mempelajari bahasa asing tidak sama seperti pelajar penutur jati bahasa Arab. Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengkaji pelaksanaan Teknik 2PS (2 perkataan sehari) dalam usaha menambah kosa kata bahasa Arab kepada pelajar sebagai salah satu strategi dalam kajian ini.

3. Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mengkaji pelaksanaan Teknik 2PS (2 perkataan sehari) dalam usaha menambah kosa kata bahasa Arab bagi para pelajar bersandarkan kepada teori Kemmis dan McTaggart (1988). Sampel kajian adalah pelajar kursus bahasa Arab di Jabatan Kefahaman Islam dan Bahasa Arab, Fakulti Sains Sosial, Universiti Islam Selangor. Kajian kualitatif ini menggunakan teknik analisis dokumen dan pemerhatian untuk proses dapatan dan analisis data.

4. Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan kepada Kemmis dan McTaggart (1988). Berdasarkan kerangka kajian tindakan ini, proses penyelidikan dijalankan berdasarkan kitaran yang dipaparkan dalam rajah 1 di bawah:

Rajah 1: Kerangka Kajian Tindakan



Model Kajian Tindakan Kemmis & McTaggart

Sampel kajian adalah pelajar kursus bahasa Arab di Fakulti Sains Sosial Universiti Islam Selangor yang dipilih secara purposif seramai 10 orang daripada kelas kursus NDWU1072, bahasa Arab untuk pelajar diploma semester 2 pengajian Islam. Kajian kualitatif ini menggunakan teknik analisis dokumen dan pemerhatian untuk proses dapatan dan analisis data.



Pelaksanaan Kajian Tindakan

- 1- Tinjauan: pemerhatian dalam kelas melalui aktiviti dalam kelas (tulis perkataan bahasa Arab yang diingati tanpa merujuk buku atau internet)
- 2- Merancang Tindakan: Selepas melihat dapatan pelajar, penyelidik merancang Teknik 2PS (2 perkataan sehari)
- 3- Melaksanakan Tindakan dan Memerhati: Meminta pelajar untuk menyediakan satu buku nota, perlu tulis 2 perkataan sehari. Pelajar digalakkan ambil perkataan itu daripada buku kursus pengajian.
- 4- Mereflek: Memerhati kesan dalam aktiviti kelas, tugas dan menyemak hasil kerja pelajar.

5. Dapatan Kajian

Pelajar diberikan masa 2 minggu untuk usaha melaksanakan Teknik 2PS. Pelajar telah dimaklumkan bahawa pensyarah akan menyemak pelaksanaan Teknik ini. Berikut rajah menunjukkan hasil kerja sampel kajian. Hanya 3 sampel diambil untuk tujuan perbincangan.

Rajah 2: Hasil Teknik 2PS

	<p>Sampel 1: menulis perkataan tanpa ada tarikh dan hari. Dinyatakan terjemahan. Diletak baris perkataan untuk memudahkan bacaan.</p>
	<p>Sampel 2: menulis perkataan tanpa ada tarikh dan hari. Dinyatakan terjemahan. Tiada baris perkataan.</p>

Perkataan dan Maksud	الكلمات والمعنى
atip - عاليٌ .٢٠	Singa - سُنْدَلٌ .١
lantai - أرضٌ .٢٢	Kebanuan - إِسْبَانِيَّةٌ .٢
wayer - إِلْمَاءٌ .٣٤	keterikutan - مُهْرَجٌ .٣
sibat - طَفْلَةٌ .٣٨	baju - مُوْزَبٌ .٣
jendela - بَشَّارَةٌ .٣٩	bukit - جَهْرَةٌ .٣
dalam - إِنْتَرِنَيْتِيْكٌ .٣	kuda - حَمْرَةٌ .٣
kosong - خَالِيٌّ .٣١	zirafah - زِرَافَةٌ .٣
kurus - دَجَانٌ .٣٥	kerja - مُعْمَلٌ .٣
rigen - رِيزِنٌ .٣٣	guci - غَارٌ .٣
empit - إِنْتِرِنَيْكٌ .٣٦	pinggan - ضَيْغَانٌ .٣
tebal - كَثِيرٌ .٣٧	banak - بَنَكٌ .٣
kopi - كَافِيٌّ .٣٨	ekor - دَلَّا .٣
hadiah - مُنْصَعِّجٌ .٣٩	rusaq - طَبَقٌ .٣
princes - مَهَارٌ .٣٩	segi empat - مُرْبَعٌ .٤
sejuk - بَارِدٌ .٤٩	bulatan - مُوْلَى .٤٠
perhubungan - مُعْرِفَةٌ .٥١	bintang - بَنِيَّةٌ .٤١
sosial - اِسْتِعْلَامٌ .٥١	segi empat tepat - مُرْبَعٌ مُكْبَطٌ .٤١
telaman - أَبُوْجَوْنٌ .٥٣	segi tiga - تِلْكَاهٌ .٤١
komitmen - مُؤْمِنَةٌ .٥٣	menghitung - مُحْصَلٌ .٤١
sebar - إِنْتِرِنَيْكٌ .٥٤	memukul - مُهْبَكٌ .٤
banyak - كَثِيرٌ .٥٥	mengelong - مُهْرَجٌ .٤
penyusuan - مُهَاجَرٌ .٥٦	menahan - مُهَاجَرٌ .٤٦
cukuplah - كَفِيٌّ .٥٧	mengunci - مُهَاجَرٌ .٥٧
berlatih - تَدْرِيْسٌ .٥٨	menendang - مُهَاجَرٌ .٤٨

Sampel 3: menulis perkataan tanpa ada tarikh dan hari. Dinyatakan terjemahan.
Tiada baris perkataan.

6. Perbincangan

Dapatkan pemerhatian awal: Pelajar tidak bersedia untuk menulis perkataan di awal kelas. Ada sebahagiannya berasa suka untuk menulis perkataan, mungkin kerana mempunyai asas yang baik. Teknik 2PS yang dicadangkan oleh pensyarah disambut baik oleh pelajar. Namun ada juga yang berasa agak malas untuk melaksanakannya.

Dapatkan lain: Kajian memperoleh data iaitu buku perkataan lebih daripada 10 sampel, namun hanya 10 buku dilihat secara terperinci. 3 daripada buku tersebut dibincangkan dalam kajian ini. Pemilihan 3 buah buku ini dapat mewakili buku untuk sampel yang lain kerana mempunyai hasil yang sama.

Dapatkan akhir: Kebanyakan pelajar tidak melaksanakan Teknik 2PS tetapi menulis perkataan tanpa fokus pada cara 2 perkataan sehari. Pensyarah menerima kerja pelajar dengan cadangan penambah baikan. Pelajar perlu dibimbing secara berterusan.

7. Kesimpulan

Teknik 2PS adalah satu inisiatif untuk menambahkan kosa kata pelajar. Pelajar diberi kelonggaran bentuk pelaksanaan yang mereka selesa. Pensyarah menyemak kerja pelajar dan memberi komen. Pensyarah terus menyokong pelajar untuk terus menulis perkataan. Kajian Teknik 2PS memberitahu pelajar bahawa mereka perlu kuasai perkataan untuk menguasai bahasa Arab. Kajian tidak dapat melihat kesan yang jelas, namun pelaksanaan tugas dan semakan pensyarah juga adalah tindakan yang akan memberi kesan kepada pelajar. Oleh itu usaha untuk menambah kosa kata pelajar dan sokongan perlu berterusan.

Selain itu, usaha sampel kajian menulis perkataan bersama terjemahan dan ditambah baris perkataan adalah juga bentuk pelaksanaan yang memberi impak positif kepada mereka. Usaha yang akan memberi kesan yang baik adalah usaha yang berterusan. Oleh itu para pensyarah haruslah sentiasa menyokong pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab.

8. Rujukan

- Abdullah J. (1989). *Pengenalan tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ashinida, A. 2012. Analisis Penggunaan Strategi Komunikasi dalam Komunikasi Lisan Bahasa Arab. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12, 645-666
- Fatimi S. Q. (1963). *Islam comes to Malaysia*. Singapore: Malaysian Sociological Research Institute Limited.
- Irma Martiny, Maimun Aqsha Lubis, Zaid Arafat, Aisyah Sjahrony. (2016). Penggunaan Teknik Pembelajaran Aspek Kosa Kata Bahasa Arab Dalam Kalangan Murid. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*. Volume 1(1) January 2017, 14 24.
- Kemmис, S., & McTaggart, R. (1998). *The Nature of Action Research*. The Action Research Planner. Victoria Deakin University.
- Mohamad Rofian b B Ismail, Ahmad Redzauddin Ghazali, Khairatul Akhmar Abdul Latif, Nor Effendy Ahmad Sokri (2014). Analisis kesalahan Nahu Bahasa Arab dalam Karangan Pelajar Kursus Pengukuhan Bahasa Arab. *International Research Management and Innovation Conference 2014*
- Mohammad Fauziddin & Makhyatul Fikriya. 2020. Mengenal Kosakata Bahasa Arab melalui Permainan Kartu Huruf Hijaiyah yang Dilengkapi Kosakata. *Journal for Early Chilhood Education Research*. Volume 1 Issue 1(2020).
- Mohd Shahrizal, Nasir, Muhammad Sabri, Sahrir & Mohd Firdaus, Yahaya. (2015). Tinjauan Persepsi Pembelajaran Bahasa Arab Untuk Tujuan Ibadah Sebagai Satu Keperluan Bagi Masyarakat Muslim Awam Di Malaysia (A Perception Survey On Arabic Language Learning For Worship Purpose As A Requirement For Public Muslim Society In Malaysia). *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, Vol. 30, 51–72.
- Mohd Zaki, Ismail, Kaseh, Abu Bakar, Nik Farhan, Nik Mustapha, & Nurazan. M. Rouyan. (2016). Penggunaan strategi pembelajaran kosa kata bahasa Arab pada kalangan pelajar cemerlang. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 31, 47–68. <http://dx.doi.org/10.21315/apjee2016.31.4>
- Naiman, N., Fröhlich, M., Stern, H. H., & Todesco, A. (1978). *The good language learner (Research in Education Series No. 17)*. Toronto, Canada: Ontario Institute for Studies in Education.
- Nurulakhma yahya, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Harun Baharudin, Nurul Izzah Abd. Rahman. (2016). Penggunaan Perisian Quizlet.Com Dalam Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan Islam 2016 (Ispen-I 2016)*
- Oxford, R. L. (1990). *Language learning strategies and beyond : A look at strategies in the context of styles*. Shifting the instructional focus to the learner, 35–55.
- Rubin, J. (1975). What the "good language learner" can teach us. *TESOL quarterly*, 41–51. <http://dx.doi.org/10.2307/3586011>
- Wenden, A & Rubin, J. (1987). *Learner strategies in language learning*. New Jersey: Prentice Hall.
- Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2010). Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Dan Inggeris Pelajar Cemerlang. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.